

12 OCT 1997

Asean-Pegawai

PEGAWAI-PEGAWAI ASEAN TIBA UNTUK PERSEDIAAN AEM

PETALING JAYA, 12 Okt (Bernama) -- Para pegawai kanan ekonomi Asean tiba di sini hari ini untuk memulakan persediaan bagi mesyuarat ke-29 Menteri-menteri Ekonomi Asean (AEM) pada Khamis.

Mesyuarat dua hari pegawai-pegawai kanan ekonomi (SEOM) akan membincangkan kemajuan keseluruhan ke arah mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA)

-- sebuah pasaran tunggal yang dijangka pada tahun 2003.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang akan mempengerusikan AEM, baru-baru ini berkata bahawa kira-kira 93 peratus atau 40,755 garis tarif enam negara asal Asean dimasukkan untuk pengurangan tarif.

Satu tanda yang menggalakkan dalam pengwujudan AFTA ialah lebih 85 peratus dagangan antara Asean sudahpun berada pada tahap sifar hingga lima peratus di bawah CEPT atau Keistimewaan Tarif Berkesan Samarata, mekanisme pelaksanaan untuk AFTA.

SEOM akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Asmat Kamaludin, yang juga akan mengadakan dialog dengan Australia dan New Zealand, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun dan Masyarakat Pembangunan Selatan Afrika (SADC).

Sebelum AEM, para menteri beserta dengan Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh akan menghadiri mesyuarat Majlis AFTA pada Rabu dan disusuli oleh AEM yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esoknya.

Tiga perjanjian akan ditandatangani semasa AEM - Perjanjian Protokol Kemasukan Laos dan Myanmar kepada beberapa perjanjian Asean tertentu, Protokol Prosedur Notifikasi dan Protokol Pakej Pertama Komitmen Liberalisasi Perjanjian Perkhidmatan Asean.

Asean, yang dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, dijangka mempunyai sebuah pasaran pengguna melebihi 500 juta orang menjelang akhir dekad ini.

Antara yang pertama tiba di sini ialah Ketua Pengarah Kerjasama Ekonomi Asean bagi Laos, Somchith Inthamith, yang mengulangi iltizam negaranya kepada tarikh akhir Disember 2007 untuk memansuhkan rejim tarif sedia adanya untuk yang baru di bawah AFTA.

Vietnam, yang diberi tempoh sehingga tahun 2006 untuk menyertai AFTA, akan diwakili pada SEOM oleh Ketua Pengarah Dasar Perdagangan Pelbagai hala negara itu, Tran Duc Minh.

Yang lain termasuk Ketua Pengarah Perdagangan Luar di Jabatan Industri dan Perdagangan Indonesia, Djoko Moeljono, Ketua Pengarah di Kementerian perancangan Negara dan Pembangunan Ekonomi Myanmar, Maung Maung Yi, Ketua Pengarah Jabatan Ekonomi Perniagaan di Kementerian Perdagangan Thailand, Karun Kittisataporn.

Turut menyertai mesyuarat SEOM ialah Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Perdagangan Singapura, Ridzwan Dzafir, Penolong Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina, Edsel T. Custodio dan Setiausaha Tetap di Kementerian Industri dan Sumber Utama Brunei Datuk Danial Haji Hanafiah.

Kemboja, yang keanggotaannya dalam Asean telah ditangguh berikutan keadaan politik dalam negara itu, akan turut hadir selaku pemerhati.

Mesyuarat itu juga akan mengkaji kemajuan daya usaha Perbadanan Pembangunan Lembangan Mekong-Asean sejak ia dilancarkan pada mesyuarat peringkat menteri dalam Jun, 1996 di Kuala Lumpur, yang rangka kerja asasnya telah dipersetujui. -- BERNAMA

TEAM MR/SIA RON